

## Tawar 117 program menarik

Suliati Asri

suliati@hmetro.com.my



Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia.

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) yang bertemakan Keluarga Malaysia, Keluarga Sejahtera di pekarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar di Kedah bermula esok menawarkan pelbagai pengisian menarik kepada pengunjung.

Berlangsung selama tiga hari hingga Ahad ini, sebanyak 117 program menarik dengan pelbagai gerai pameran serta reruai yang membabitkan 27 Kementerian dan agensi Pusat serta juga kerajaan negeri.

Istimewanya di Kedah, selaku kementerian peneraju Siri JAKM ke-9 ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan meringankan belanja dapur pengunjung dengan jualan istimewa Happy Hour yang menawarkan harga hanya RM10 untuk setiap pembelian beras lima kilogram (kg) dan seekor ayam.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, KPLB membawa 6,000 paket ayam dan 6,000 paket beras sepanjang tiga hari program JAKM.

"Setiap hari, kita akan memperuntukkan 2,000 paket iaitu 1,000 paket beras dan 1,000 paket ayam untuk dua kali jualan iaitu pada jam 11 pagi dan 4.30 petang dengan konsep 'siapa cepat dia dapat'.

"Bukan itu saja, pengunjung juga boleh membeli pelbagai produk dengan harga istimewa menerusi Jualan Keluarga Malaysia," katanya.

Untuk Siri JAKM kali ini juga, KPLB mengintegrasikan elemen Mini Karnival Usahawan Desa@KPLB menerusi Pavilion Usahawan Desa KPLB@JAKM Kedah yang memaparkan program-program keusahawanan di bawah kementerian itu.

Antaranya termasuklah Program Rural Business Challenge (RBC), Program Start Right@KPLB (PSR), Program Skim Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), Program Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Program Desamall@KPLB serta rakan-rakan strategik di bawah Program Pendigitalan Usahawan (PPU).

Usahawan bimbingan agensi di bawah KPLB turut mengambil bahagian dalam memasarkan produk-produk daripada kategori makanan dan minuman, kategori kesihatan dan kecantikan dan kategori fesyen dan aksesori.

Mahdzir berkata, menerusi Pavilion Usahawan Desa@KPLB, pihaknya menyediakan ruangan bagi memasarkan pelbagai produk jualan usahawan bimbingan agensi di bawah KPLB.

"Di Pavilion Usahawan Desa@KPLB ini juga terdapat sebuah bistro sebagai satu tarikan pengunjung untuk menikmati makanan dan minuman yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan luar bandar iaitu RBC Bistro.

"Antara pengisian aktiviti lain yang turut dijadualkan di pavilion merangkumi aktiviti product testing dan product pitching oleh usahawan luar bandar bagi memastikan aktiviti promosi serta jualan produk dan perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan," katanya.

Seramai 60 usahawan daripada agensi KPLB seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekeling Kecil Perusahaan Getah (Risda), FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) yang akan mengambil bahagian bersama 80 usahawan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) mempromosikan produk mereka di Pavilion Usahawan Desa@KPLB.

Pembabitan Program Desamall@KPLB di Pavilion Usahawan Desa KPLB@JAKM Kedah ini juga akan mengetengahkan PPU iaitu platform kerjasama strategik ke arah membantu usahawan luar bandar mendigitalkan perniagaan mereka dengan membabitkan 12 rakan strategik seperti Maybank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, FoodPanda, Lazada, eDesa, StoreHub dan lain-lain lagi.

Sesi Laz Live dan Shopee Live juga akan berlangsung setiap hari sepanjang JAKM Kedah ini bagi memberi peluang untuk usahawan-usahawan bimbingan agensi di bawah KPLB yang menyertai Program Desamall@KPLB untuk memasarkan produk-produk secara langsung menerusi platform e-Dagang Lazada dan Shopee.

Kelainan yang turut ditampilkan di JAKM Kedah yang diterajui KPLB ini adalah dengan mengetengahkan elemen kebudayaan Orang Asli menerusi pembabitan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) sebagai antara aktiviti tarikan pengunjung.

"Dengan showcase perkampungan Orang Asli itu, pengunjung berpeluang melihat pelbagai aktiviti kebudayaan seperti persembahan tarian Orang Asli, seni kraf, produk dan banyak lagi.

"Terdapat juga 16 program di pentas utama, 21 di pentas industri kecil dan sederhana (IKS), 23 di pentas mini Citarasa Malaysia, 16 program outreach, dua aktiviti luar dan 12 kaunter bergerak yang membabitkan lapan bas dan masing-masing satu van, trak dan kereta," katanya.

Turut menjadi acara utama JAKM Kedah kali ini adalah Program Kenuri Rakyat Keluarga Malaysia@Padang Terap yang akan diadakan di padang Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Nerang, Kedah.

Program yang dilaksanakan untuk mendekatkan rakyat dengan Perdana Menteri itu akan bermula dari jam 10 pagi hingga 3 petang esok dan dijangka menerima kehadiran 8,000 sehingga 10,000 orang penduduk sekitar.

"Kenuri Rakyat ini juga kita laksanakan untuk mengeratkan jalinan silaturahim antara pentadbiran kerajaan persekutuan dengan pentadbiran kerajaan negeri Kedah serta rakyat.

"Selain itu, antara pengisian program ini ialah meraikan seorang pesilat negara dari daerah Padang Terap iaitu Mohammad Robial Sobri yang berjaya meraih Johan Kelas 1 (Lelaki) bagi Kejohanan Pencak Silat Dunia Ke-19 2022 di Melaka baru-baru ini dan penyerahan kunci rumah kepada penerima Program Bantuan Rumah seramai lapan orang di bawah GiatMARA," katanya.

JAKM ini turut menganjurkan pelbagai acara menarik sesuai untuk semua lapisan masyarakat bersesuaian dengan konsep Keluarga Malaysia yang berferaskan nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Program lain yang turut diadakan termasuklah persembahan kebudayaan, acara kesenian, forum dan bual bicara, sukan rakyat, fun ride, e-Sukan, forum perdana, Gegaa@JAKM KEDAH yang membariskan persembahan artis terkemuka seperti Khai Bahar, Ezad Lazim, Haqiem Rusli dan Khalifah serta banyak lagi.

"KPLB juga menyediakan bas MARA Liner untuk kemudahan pengangkutan di dua perhentian iaitu di Stesen Bas Shahab Perdana dan di Pekan Rabu dari jam 9 pagi hingga 9 malam.

"Pengunjung juga berpeluang memenangi cabutan bertuah sebuah kereta dan tiga motosikal sepanjang tiga hari ini program berlangsung.

"Oleh itu, saya menjemput semua rakyat di Kedah, Pulau Pinang dan Perlis untuk hadir dan sama-sama memeriahkan program JAKM ini," katanya.

**Disiarkan pada: September 1, 2022 @ 7:01am**